


**“SAYA... lepas Maghrib kena pegang al-Quran dan membacanya, begitu juga selepas Subuh. Sudah ulang khatam sejak umur 10 tahun.”**

**- DATUK SERI  
ABDULLAH AHMAD  
BADAWI**

(Ucapan pada Muzakarah Imam Imam Darulul Uloom)



**ABDULLAH (tiga dari kiri) ketika menjadi ahli jawatankuasa editorial untuk majalah Sekolah Tinggi Bukit Mertajam pada tahun 1957.**

# Cerita kawan Pak Lah

Datuk M. Kuppan pernah membawa Abdullah menaiki basikal yang dipinjam daripada pak ciknya untuk ke sekolah sekiranya ada aktiviti luar kelas.



**BELIAU** ialah seorang yang penyabar dan lemah lembut dari segi keperibadian. Dari segi kepimpinan pula, beliau memberi ruang untuk kita memberikan idea dan pandangan yang sesuai dengan konsep musyawarah yang diamalkannya.

**- DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB, Menteri Belia dan Sukan**



**ABDULLAH** ketika zaman kanak-kanak.

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan satu nama besar yang tidak perlu dicanang lagi.

Malah, umum juga sudah mengetahui tentang apa yang sering dihebohkan mengenai Pak Lah, lebih-lebih lagi ketika beliau menyandang jawatan penting dalam negara sebagai Perdana Menteri.

Melalui coretan di dada-dada akhbar dan bebahan di kaca televisyen, kesemua itu memberi input kepada segenap lapisan masyarakat tentang apa yang beliau lakukan.

Namun percayalah, jika ditanya apa yang berlaku di sebalik tirai kehidupan tokoh ini, selain apa yang sering dihidangkan oleh media selama ini, sudah tentu ramai yang menggeleng kepala tanda tidak tahu terutama hal-hal yang berkisar mengenai dunia kanak-kanak dan zaman persekolahan tokoh besar ini.

Pak Lah dilahirkan dalam sebuah keluarga warak di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 26 November 1939 dan dibesarkan di Permatang Bertam, Kepala Batas.

Beliau mendapat didikan pertama di Sekolah Melayu Permatang Bertam (kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam) selepas era penjajahan Jepun iaitu sekitar pertengahan 1940-an sehingga darjah empat.

Kemudian, beliau menyambung perse-



**ARSYAD ZAKARIA**



**M. KUPPAN**

kolahan dalam darjah lima di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam (STBM) sehingga tingkatan lima sebelum ke tingkatan enam di Sekolah Menengah Lelaki Methodist, Pulau Pinang.

Fakta itu mungkin ramai yang sudah mengetahuinya tetapi apabila berbicara tentang zaman kanak-kanak Pak Lah, satu persoalan yang pasti akan timbul adalah bagaimana perangai Pak Lah semasa kanak-kanak?

Adakah dia sama seperti kanak-kanak lain yang sering 'merayau-rayau' di sekitar kampung, bermain paya, terjun sungai atau bermain layang-layang pada waktu petang?

Bagaimana pula zaman persekolahannya? Adakah beliau pernah menerima hukuman di sekolah kerana kesalahan yang dilakukannya?

Seorang rakan beliau semasa kecil, Datuk Arsyad Zakaria ketika ditemui di Permatang Bertam, Kepala Batas menghuraikan serba sedikit mengenai persoalan tersebut.

Menurutnya, pada zaman persekolahan terutama di sekolah rendah, dia dan Pak Lah belajar di Sekolah Melayu Permatang Bertam tetapi berlainan kelas kerana dia lebih tua tiga tahun daripada Pak Lah.

"Jadi, apa yang berlaku di dalam kelas dia waktu itu, saya tak berapa tahu sangat tetapi kalau di luar bilik darjah, saya tahu sikit-sikit saja sebab rumah kami berde-

## Tongkat kegemaran Pak Lah

● Ramai mengetahui bahawa Abdullah suka mengumpul tongkat. Hobi ini bermula sejak kecil apabila ayahnya, Datuk Ahmad Badawi memberinya sebatang tongkat. Tongkat itu masih disimpannya sehingga sekarang.

● Jika pelawat mengunjungi Seri Perdana, pasti mereka akan nampak bakul rotan di ruang tamu yang digunakan untuk menyimpan beberapa tongkat yang mempunyai pemegang menarik.

● Walaupun Pak Lah tidak pernah menggunakan tongkat-tongkat itu semasa majlis rasmi atau waktu terluang, namun kawan-kawannya termasuk ahli politik tetap mahu menghadiahkannya



**SEKOLAH Agama Daarut Maarifil Wataniah di Kepala Batas, Pulau Pinang ini merupakan bekas sekolah agama Abdullah.**



**SEKOLAH Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang pernah menjadi sekolah Abdullah, sehingga tahun 1957.**

ms23

katan.

“Memang dari kecil, kawan-kawan dah panggil beliau dengan panggilan Pak Lah tetapi dengan kawan-kawan, dia selalu bahasakan diri dia sebagai aku (merujuk dirinya)-dan hang (kamu).

“Dalam keluarga dia, terutama ayah dan datuknya, mereka panggil Pak Lah dengan nama penuh, Abdullah,” katanya yang kini bertugas sebagai Pengerusi Kariah Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Jelasnya lagi, ketika itu Pak Lah ialah anak golongan elit kerana beliau merupakan cucu kepada tokoh agama terkenal, Sheikh Abdullah Fahim dan anak kepada Datuk Ahmad Badawi Sheikh Abdullah.

Disebabkan batasan itulah, katanya, dia tidak terlalu rapat dengan Pak Lah kerana Pak Lah jarang meluangkan masa untuk bermain bersama rakan-rakan di sekitar kawasan kampung.

Bukan kerana sombong atau riak selaku anak orang kenamaan, tetapi jelas Arsyad, perkara itu berlaku disebabkan Pak Lah banyak menghabiskan masa mentelaah pelajaran.

“Lagipun, dia tak main macam budak-budak kampung yang lain sebab dia anak orang alim-alim, golongan berada.

“Memanglah dia ada main juga, tetapi dia tak lasak sangat macam budak-budak lain dan dia lebih kepada belajar ilmu agama dan belajar di sekolah,” tambah-



**ABDULLAH (berdiri tengah) bergambar bersama rakan-rakannya ketika belajar di Sekolah Agama Daarut Maarifil Watahiah, Kepala Batas, Pulau Pinang.**

nya. Malah, jelasnya, tidak cukup dengan di-dikan secara terus daripada datuknya di rumah, Pak Lah turut mempelajari ilmu agama rendah (kini dikenali sebagai Kursus Asas Fardhu Ain-KAFA) di Madrasah Daeratul Maarifil Wataniah (kini dikenali sebagai Sekolah Agama Daeratul Maarifil Wataniah, Kepala Batas).

"Semasa di madrasah, dia belajar dalam kelas yang dipanggil 'Ummumi' yang turut diduduki oleh pelajar dewasa.

"Sebab itulah Pak Lah pandai ilmu agama. Ini kerana dia banyak belajar agama daripada ayah dan datuknya.

"Satu perkara lagi, kalau nak lihat perangai dan kelakuan Pak Lah semasa kecil, tengoklah apa yang ada padanya ketika ini. Ini kerana itulah dirinya ketika kecil dahulu, seorang yang lurus, bercakap benar, bercakap berlandaskan pegangan agama dan tidak pandai berdolak-dalih," tambahnya sambil memberitahu Pak Lah merupakan cucu kesayangan datuknya, Sheikh Abdullah Fahim.

Seorang lagi rakan karib Pak Lah, Datuk M. Kuppan turut menjelaskan perkara yang sama mengenai peribadi Pak Lah.

Menurutnya, Pak Lah merupakan se-

orang insan yang berpegang kuat pada ajaran agama Islam selain mempunyai perwatakan yang sama sejak dari bangku sekolah sehinggalah kini.

"Sejak saya mengenalinya ketika sama-sama belajar di darjah satu sehingga tamat tingkatan lima pada tahun 1957, beliau sama saja (perwatakan), tidak banyak berubah dari segi perangai dan tingkah laku.

"Jika dulu, dia sangat mesra dengan kawan-kawan di sekolah tidak kira bangsa dan agama, sekarang pun dia masih begitu walaupun sudah jadi Perdana Menteri.

"Pak Lah juga tidak sombong. Malah ketika dia sedang bermesyuarat atau bertemu dengan orang kenamaan lain dalam satu-satu majlis, kalau dia nampak saya atau rakan-rakan sekolah yang lain, pasti dia tegur walaupun dari jauh," katanya.

Ceritanya lagi, ketika di bangku sekolah menengah, dia pernah menunggu Pak Lah yang datang ke sekolah dengan menaiki bas awam dari Kepala Batas. Menurut Kuppan, dia menunggu Pak Lah di bawah jejantas berhampiran stesen kereta api Bukit Mertajam untuk ke sekolah yang terletak di seberang stesen tersebut.

Selain itu, katanya, dia pernah membawa Abdullah menaiki basikal yang dipinjam dari pak ciknya untuk ke sekolah sekiranya ada aktiviti luar kelas.

"Kenangan lama bersama Pak Lah adalah saat yang manis buat saya kerana beliau merupakan seorang rakan yang terlalu baik hati, pemurah dan tekun belajar," tambahnya.

Secara peribadi, dia turut memberitahu Pak Lah merupakan seorang yang terlalu baik untuk menceburi bidang politik.

Katanya, dunia politik bukanlah semulia seperti yang digambarkan.

Malah, katanya, ketika rakannya itu mula terlibat dalam dunia politik, dia merupakan antara orang yang tidak senang dengan keputusan tersebut.

"Pak Lah seorang yang sangat baik dan berhati mulia selain kuat pegangan pada agama Islam dan sentiasa ikhlas dalam apa yang dilakukannya. Bagi saya, dia tak sesuai masuk politik," ujarinya.

Namun, katanya, segalanya telah terbukti silap apabila kepimpinan Abdullah telah banyak mengubah negara dalam banyak hal terutama dalam usaha memerangi gejala rasuah.

tongkat.

● Antaranya ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman memberinya sebatang tongkat pada Majlis Pelancaran Koridor Pembangunan Sabah di Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar.

● Pak Lah menganggap tongkat bukan dikhususkan untuk orang tua tetapi menjadi simbol kreativiti.

dipromatik, Pak Lah pernah berjaya meyakinkan dan memujuk enam ketua negara Arab untuk menghulurkan bantuan sewajarnya kepada para pejuang Islam dalam isu Bosnia sebagaimana yang diamanahkan oleh Dr. Mahathir.

Apabila Abdullah mengambil alih pimpinan negara daripada Dr. Mahathir pada Oktober 2003, beliau juga mewarisi jawatan pengerusi bagi Pertubuhan Perundangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Abdullah menjadi nadi OIC yang dianggotai 57 buah negara dan NAM, entiti kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menyatukan 118 buah negara.


Semasa menjadi Pengerusi NAM dan OIC, Pak Lah diuji dengan pelbagai masalah dunia dan konflik yang amat rumit antaranya isu keganasan, pencerobohan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq dan penindasan Israel ke atas Palestin.

Pada Julai 2004, ketika bermulanya pencerobohan Iraq, Pak Lah proaktif menangani isu tersebut dengan mengadakan lawatan ke tiga buah negara besar iaitu AS, Britain dan Perancis. Lawatan itu bermatlamat menyampaikan pandangan Kuala Lumpur selaku Pengerusi OIC dan NAM. Ia telah disalurkan secara rasmi kepada pemimpin ketiga-tiga negara itu.

Dalam pertemuan dengan bekas Presiden AS, George W. Bush, diikuti Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, Abdullah menyuarakan pandangan Malaysia, OIC dan NAM berhubung isu-isu politik antarabangsa terutama berkaitan Iraq dan Palestin.

Abdullah juga pernah menulis surat kepada lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB meminta mereka menimbangkan untuk segera mengambil alih pentadbiran Iraq daripada tentera penceroboh AS.

Abdullah turut menghantar sepucuk surat berasingan kepada Bush, Blair, Presiden Rusia, Vladimir Putin dan Setiausaha



**KEPRIHATINAN** Abdullah terhadap negara Islam lain begitu terserlah contohnya melalui lawatan beliau ke bandar Sarajevo, Bosnia-Herzegovina untuk melihat pembangunan negara bekas kancah perang itu.

Agung PBB, Kofi Annan mendesak mereka memastikan Israel mematuhi Pelan Damai Timur Tengah bagi membina negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Apabila Malaysia menyampaikan 'suaranya' sebagai Pengerusi NAM dan OIC, sedikit sebanyak negara-negara dunia membuka mata mengenai peranan yang Kuala Lumpur mainkan selama ini.

Sepanjang pimpinan Abdullah, hubungan Malaysia dengan kuasa Barat terutama AS dan Britain dipertingkatkan berasaskan dasar luar yang seimbang.

Hubungan yang bersifat mesra itu memberi dua kelebihan iaitu berlakunya peningkatan hubungan dua hala serta memudahkan penyampaian mesej tegas Malaysia berhubung isu-isu antarabangsa kepada negara-negara berkenaan.

Hubungan baik Malaysia-Rusia pada era

Dr. Mahathir juga dikekalkan dan kian diwarnai. Antaranya, program angkasawan dan pelantikan Rusia sebagai pemerhati OIC yang mana status itu memberi keyakinan kepada 21 juta penduduk Islam Rusia tentang keprihatinan OIC terhadap perkembangan Islam di negara itu.

Pak Lah juga membangkitkan isu-isu tertentu dalam ucapannya pada perhimpunan-perhimpunan PBB pada tahun 2007 seperti ketegangan di Asia Barat dan isu Myanmar iaitu untuk membebaskan pemimpin prodemokrasi seperti Aung San Suu Kyi.

Ketika menghadiri Sidang Kemuncak NAM dan Kumpulan 15 (G-15) di Cuba pada tahun 2006, Abdullah merupakan antara beberapa orang pemimpin dunia yang berpeluang bertemu Presiden Fidel Castro yang sakit.

## CERITA PAK LAH



### *Jepun destinasi percutian*

**MENURUT** satu temu ramah sebuah akhbar Inggeris bersama anak Abdullah, Nori, minuman kegemaran Pak Lah ialah air suam,

# Pasang surut hubungan ASEAN

WALAUPUN pertubuhan ASEAN berada pada keadaan yang baik, namun sebagai negara-negara yang berjiran, perselisihan faham sama ada pendapat, pendirian atau hak sempadan tidak dapat dielakkan. Begitu juga Malaysia dan negara-negara jirannya di Asia Tenggara.

Semasa era pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri, antara cabaran serantau pertama yang terpaksa dilaluinya ialah krisis pembunuhan umat Islam di selatan Thailand. Malaysia mengutuk pembunuhan beramai-ramai 85 umat Islam di Tak Bai pada hujung 2004 itu tetapi bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra memberi amaran ASEAN tidak sewajarnya membangkitkan hal itu. Peristiwa 131 umat Islam di selatan Thailand yang lari ke Kelantan pada Ogos 2005 turut mencetuskan ketegangan dua negara.

Konflik yang berlaku di selatan Filipina melibatkan kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro pada 2006 turut meresahkan ASEAN dan Malaysia telah diberikan amanah untuk mengetuai misi perdamaian.



**PEREBUTAN Pulau Batu Putih mengeruhkan hubungan Malaysia dengan Singapura tetapi berakhir dengan harmoni.**

Hubungan dengan Singapura pula menjadi tegang apabila Menteri Mentor negara itu, Lee Kuan Yew pada tahun 2006 mengeluarkan kenyataan kontroversi mengatakan masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia dipinggirkan secara sistematik. Keadaan itu menyebabkan Abdullah mengirim surat mohon penjelasan kepadanya

namun Kuan Yew membalas surat jawapan dengan hanya memohon maaf kerana menimbulkan ketidakselesaan kepada Abdullah, dan bukannya memohon maaf atas kata-katanya.

Sebelum itu, Malaysia-Singapura telah berdepan dengan konflik mengenai projek pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor.

Hubungan Singapura juga kembali keruh berhubung isu tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih yang mana ia kemudian diputuskan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) milik Singapura, tetapi keputusan itu juga memberi hak pemilikan kepada Malaysia ke atas dua terumbu di Selat Singapura.

Hubungan dengan Indonesia pula sedikit goyah berikutan konflik persempadanan maritim pulau Sipadan dan Ligitan yang dibangkitkan oleh media Indonesia pada tahun 2005. Begitu juga dengan tuntutan bertindih Malaysia-Indonesia ke atas blok kawasan minyak di perairan Pulau Sulawesi.


Namun, hubungan-hubungan itu dapat diperbaiki dengan semangat diplomasi yang diamalkan negara-negara ASEAN.

makanan kegemaran ialah bubur nasi, perasa aiskrim kegemarannya ialah vanila dan tempat percutian di luar Malaysia yang digemari ialah Jepun.





**ALLAHYARHAM TUN RAZAK (kanan)** memperkatakan sesuatu kepada **Abdullah (dua dari kiri)**.



**ABDULLAH** mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003.

liah rendah iaitu Sekolah Melayu Permatang Bertam (SMPB), Abdullah sentiasa menduduki tempat pertama atau kedua. Abdullah suka membaca dan selalu menghabiskan masa di kutub khanah.

Beliau meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Tinggi Bukit Merajam dan di Penang Methodist Boys School setelah berjaya peperiksaan SMC (Special Malay Class) yang melayakkannya belajar di aliran Inggeris. Abdullah adalah antara lima orang pelajar SMPB yang berjaya dalam peperiksaan itu.

Sebelah petangnya, Abdullah bersekolah agama di Sekolah Agama Daerahul Maarif al-Wataniah, yang diasaskan oleh datuknya sendiri.

Sebenarnya, ada cerita di sebalik ke-



## CERITA PAK LAH



*Songkok senget*

masukkan Abdullah ke sekolah Inggeris. Pada awalnya datuknya merancang untuk beliau menyambung pengajian agama di Mekah tetapi bapanya, Ahmad Badawi mahu beliau menguasai bahasa Inggeris kerana sebagai ahli politik yang selalu berdepan dengan orang Inggeris, beliau merasakan kemahiran berbahasa Inggeris penting untuk dikuasai.

Di sekolah menengah, Abdullah menonjol dalam persatuan pengakap sehingga menjadi ketua pasukan pengakap sekolah. Beliau juga suka mengarang sehingga diamanahkan menjadi editor majalah sekolah. Di tingkatan lima lagi, beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi Ketua Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Antara inisiatif besar yang diambilnya ketika menerajui persatuan itu ialah dengan mengadakan kelas tuisyen bagi membantu anak-anak Melayu dalam pembelajaran. Lantaran itu juga beliau digelar Bapa Kelas Tuisyen.

Tamat pelajaran di sekolah menengah, Abdullah melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya dan tamat pengajian dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1964. Melangkah keluar dari universiti, maka bermulalah gerbang kerjayanya dalam politik.

Abdullah atau Pak Lah menyertai UMNO pada tahun 1965. Sejak tahun 1979, Abdullah sudah dilantik dalam Majlis Tertinggi UMNO.

Beliau mendapat sokongan memegang jawatan Naib Presiden UMNO pada tahun 1984, 1987 dan 1990 dan dipilih semula untuk jawatan tersebut pada tahun 1996. Beliau diangkat menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2000 dan menjadi Perdana Menteri pada tahun 2003.



**MENEMUI** bonda tercinta, Khailan di Kepala Batas, Pulau Pinang selepas dilantik sebagai Perdana Menteri. Khailan meninggal dunia pada Februari 2004, kira-kira sebulan sebelum pilihan raya umum ke-11.



**GAMBAR** Abdullah (kanan) semasa menyertai pasukan pengakap Sekolah Tinggi Bukit Mertajam.

PAK LAH gemar memakai songkok walaupun ketika bersekolah di sekolah menengah, Sekolah Tinggi Bukit Mertajam iaitu sekolah beraliran Inggeris. Satu perwatakan Abdullah yang diingati kawan-kawannya ialah gayanya ketika bersongkok. Songkok yang dipakai disengetkan sedikit dan ia menjadi ikutan kawan-kawannya seperti Mohd. Noor yang selalu bersaing dengannya mendapat tempat pertama dan kedua di sekolah.